

China bentang kertas putih pertahanan tuntutan

B.H. - 14/7/2016 (M/S II).

Beijing: China menekankan bahawa ia memiliki hak di Laut China Selatan selama lebih 2,000 tahun, pendirian yang terkandung dalam kertas putih yang disiarkannya semalam, sambil menolak keputusan mahkamah timbang tara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memihak kepada Filipina.

Malah, kertas putih itu juga menegaskan bahawa Filipina yang memfailkan petisyen di mahkamah berkenaan di The Hague, menjajah wilayah China.

Perkara utama dalam pertelingkahan di antara China dan Filipina di kawasan berkenaan membabitkan tindakan Manila mencerooboh secara haram dan menawan se-

bahagian pulau dan terumbu milik China di Kepulauan Nansha mulai 1970-an, katanya lagi.

Cipta banyak alasan

"Filipina mereka cipta banyak alasan untuk menyembunyikan perkara itu bagi meneruskan tuntutannya. China akur kepada langkah menyelesaikan pertikaian Laut China Selatan secara rundingan," kata dokumen berkenaan.

Kepulauan Nansha merujuk kepada Kepulauan Spratly di kawasan berkenaan yang turut dituntut Malaysia, Indonesia, Brunei, Vietnam dan Taiwan.

Malah, asas tuntutan Filipina tidak berasas mengikut perspektif sejarah mahupun undang-undang

antarabangsa, kata dokumen yang disiarkan Pejabat Penerangan Majlis Kenegaraan, di sini.

Selain itu, berikutan proses perangkaan undang-undang laut berjalan pada peringkat antarabangsa, pertikaian maritim mengenai had sempadan tuntutan juga meletus di antara Beijing dan Manila.

Kecam Filipina

Kertas putih itu juga mengecam Filipina dengan menuduh Manila menutup mata kepada persetujuan dua hala dalam isu berkenaan dengan mengambil langkah merumitkan proses penyelesaian dari semasa ke semasa, termasuk membina kemudahan ketenteraan.



Gambar fail pada 17 Mei 1997 menunjukkan anggota tentera laut dan tiga anggota Kongres Filipina di Beting Scarborough bersama bendera negara itu yang pada awalnya dipasang nelayan Filipina.

Ia juga menuduh Filipina memusnahkan penanda penyelidikan yang dipasang oleh China dan cuba menawan secara haram kawasan tuntutan China menggunakan kapal tentera lautnya.

"Filipina memutarbelitkan fak-

ta, menyalah tafsir undang-undang dan berbohong untuk menyekat kedaulatan China membuat tuntutan wilayah dan maritim mengikut kepentingannya di Laut China Selatan," kata dokumen itu. **AP**